

ULASAN 10 JURNAL BERKAITAN PENGURUSAN KURIKULUM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK.

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak sejak dari peringkat bayi sehingga umur 6 tahun. Terdapat 10 jurnal yang dibuat ulasan berkaitan dengan pengurusan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Artikel pertama yang diambil ialah "Efficacy of a comprehensive early childhood curriculum to enhance children's success". Jurnal ini ditulis oleh Samuel L. Odom, Gretchen Butera, Karen E. Diamond, Marci J. Hanson, Eva Horn, Joan Lieber, Susan Palmer, Kandace Fleming, dan Janet Marquis. Jurnal ini telah diterbitkan pada 2019. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti keberkesanan kurikulum *Children's School Success* (CSS) kepada perkembangan akademik dan sosial kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan mendaftar di dalam program prasekolah. Metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah dijalankan secara reka bentuk eksperimen dan dijalankan dalam tempoh 5 tahun. Ia melibatkan 10 guru yang mengajar di dalam bilik darjah yang berbeza di lima lokasi wilayah di United States (California, Indiana, Kansas, Maryland dan West Virginia). Kajian ini dijalankan di Head Start, prasekolah negeri dan swasta dan melibatkan kepada kanak-kanak yang lemah dalam penguasaan akademik. Dapatan kajian menunjukkan CSS model mempunyai kesan perkembangan yang positif kepada kanak-kanak. Ia dapat dilihat berkaitan peningkatan pembendaharaan kata, sains, matematik dan *social problem solving*.

Jurnal kedua yang diambil ialah "A critical analysis of concepts associated with sustainability in early childhood curriculum framework across five national contexts". Jurnal ini ditulis oleh Kassahun Weldemariam, Diane Boyd, Nicky Hirst, Barbara Maria Sageidet, Jamison K. Browder, Leanne Grogan dan Fran Hughes. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2017. Objektif kajian bagi jurnal ini iaitu mengenalpasti kelestarian integrasi program dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Australia, England, Norway, Sweden dan USA dan ia melibatkan kepada 4 aspek iaitu kelestarian, kehidupan kanak-kanak, hubungan persekitaran dan manusia dan falsafah. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan berdasarkan analisis terhadap penyelidikan secara kolaboratif. Data kajian dikumpul dari perbincangan *Transnational Dialogues (TND)* antara penggubal kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan ia berlaku di Universiti Stavanger, Norway. Dapatan kajian mendapati kerangka konsep dari Australia, Norway dan Sweden mempunyai kelestarian yang baik. Berkaitan dengan kehidupan kanak-kanak, kerangka konsep Sweden lebih lengkap berkaitan dengan peranan kanak-kanak di dalam masyarakat. Berkaitan dengan hubungan persekitaran dan manusia, kerangka konsep Australia lebih menekankan terhadap amalan

pribumi yang sejahtera. Berkaitan dengan falsafah, kesemua kurikulum mempunyai kaitan dengan sosiobudaya dan pendekatan terhadap perkembangan kanak-kanak.

Jurnal ketiga yang diambil ialah "Maintaining professional standards in early childhood teacher preparation: evaluating adaptations to fieldwork-based experiences during COVID-19". Jurnal ini telah ditulis oleh Larisa Callaway-Cole dan Ashley Kimble. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2021. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti dan menilai penyesuaian yang dibuat terhadap persiapan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam program sarjana muda ketika pandemik COVID-19. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini menggunakan kaedah *mixed-method approach*. Data dikumpulkan dan dinilai berdasarkan kepada permarkahan yang diberikan oleh tenaga pengajar kepada tugas rancangan mengajar, video dan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh pelajar. Pelajar yang terlibat di dalam kajian ini adalah pelajar sarjana muda pendidikan awal kanak-kanak di *Soth Central University*, dari tahun 1 hingga 3. Dapatan kajian mendapati pelajar belajar untuk membina pengetahuan dan kemahiran kaedah pengajaran yang berkesan secara online kepada kanak-kanak.

Jurnal yang keempat diambil ialah "Translating the implementation gap: Three versions of early childhood curriculum leadership". Jurnal ini ditulis oleh Daniel J. Castner. dan diterbitkan pada tahun 2019. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak untuk memastikan pelaksanaan kepimpinan dalam kurikulum dan mengikut polisi pendidikan yang telah ditetapkan. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini menggunakan kajian kes naratif dan melibatkan kepada pengalaman 4 orang guru dalam melaksanakan kurikulum. Responden adalah guru yang mengajar dari peringkat tadika hingga darjah 3. Responden ini dipilih berdasarkan prestasi kepimpinan yang profesional di sekolah. Dapatan kajian mendapati 1 dari 4 guru tersebut mempunyai latar belakang pendidikan di dalam kepimpinan dan beliau dapat menerapkan kepimpinan dalam kurikulum di sekolah. Tiga guru yang berikutnya menunjukkan tahap kepimpinan yang baik dan merasakan ia perlu diterapkan di dalam kurikulum di sekolah.

Jurnal kelima yang digunakan ialah "Early childhood education curriculum choice: Assessing the interplay between prior beliefs and evidence-based information". Penulis bagi jurnal ini ialah Sharon Ward dan Amanda Wilcox-Herzog. Jurnal ini telah diterbitkan pada 2019. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah (i) mengenalpasti keberkesanan perpindahan maklumat daripada risalah maklumat mengenai amalan bersesuaian perkembangan kepada pelajar yang bekerja dalam bidang awal kanak-kanak tetapi tidak ada ilmu mengenainya (ii) menilai hubungan antara kepercayaan tersirat mengenai pendidikan kepada kanak-kanak dan maklumat di dalam risalah. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan melibatkan kepada 209 orang pelajar. Responden dipilih berdasarkan

ciri-ciri berikut; (i) tidak mempunyai anak atau anak tiri (ii) tidak pernah mempunyai pengalaman mengajar kanak-kanak (iii) tidak pernah ambil subjek Perkembangan Kanak-kanak dan Manusia. Semua responden diberi tonton sebuah video mengenai kanak-kanak dan projek sains dan diminta untuk menjawab soalan berdasarkan video tersebut. Responden dipecahkan kepada dua kumpulan, iaitu satu kumpulan diberikan maklumat melalui risalah mengenai amalan bersesuaian perkembangan dan satu kumpulan lagi tidak diberikan. Dapatan kajian mendapati bahawa kumpulan pelajar yang diberikan risalah maklumat mengenai amalan bersesuaian perkembangan mempunyai pengetahuan dan boleh kaitkan dengan video yang ditonton. Terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan tersirat mengenai pendidikan kepada kanak-kanak dan pemerolehan maklumat dari risalah.

Jurnal keenam yang diambil ialah "Early experiences matter: a relationships-based curriculum for the birth-to-three age group". Jurnal ini ditulis oleh Marjory Ebbeck, Sheela Warriar dan Mandy Goh. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2017. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti hubungan berdasarkan kurikulum dengan penglibatan aktif kanak-kanak di peringkat bayi, kanak-kanak bertatih dan kanak-kanak yang berumur tiga tahun. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan melebihi satu tahun dan menggunakan pendekatan *pre and post-test design*. Kanak-kanak pada setiap tahap umur dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan menerima pembelajaran berdasarkan kurikulum dan satu kumpulan lagi pembelajaran tidak berasaskan kurikulum. Kajian ini menggunakan *Child Involvement Scale*. Dapatan kajian bagi kajian ini ialah mendapati pembelajaran yang berasaskan kepada kurikulum yang terancang dapat menarik kepada penglibatan kanak-kanak kepada aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

Jurnal ketujuh yang dibuat ulasan ialah "Adapting to change; exploring early childhood educators' perceptions of a child-centered curriculum". Penulis jurnal ini ialah Morten Greaves dan Rima Bahous. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2020. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti persepsi guru pendidikan awal kanak-kanak terhadap perubahan pendekatan berasaskan guru kepada pendekatan berasaskan kanak-kanak. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan terhadap guru yang bekerja di institusi swasta pendidikan awal kanak-kanak di Lebanon. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan ditemubual secara individu dan kumpulan sebanyak dua pusingan. Dapatan kajian mendapati bahawa guru menghadapi kesukaran untuk mengubah corak pengajaran mereka. Namun begitu, pusingan kedua ditemubual bersama guru mendapati mereka mula untuk menyesuaikan diri dengan corak pendekatan pengajaran yang baru.

Jurnal kelapan yang digunakan ialah "Neoliberalism and sociocultural specificities: a discourse analysis of early childhood curriculum policies in Australia, China, New Zealand and Singapore". Penulis bagi jurnal ini ialah Vladimir E. Martines-Bello, Maria del Mar Bernabe-Villodre, Sara Lahuerta-Contell, Herminia Vega-Perona dan Mila Gimenez-Calvo. Jurnal ini

telah diterbitkan pada tahun 2021. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah mengenalpasti persepsi guru dan guru pelatih pendidikan awal kanak-kanak terhadap *pedagogical content knowledge (PCK)* dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan secara kualitatif dan menggunakan kaedah temubual, bermula November 2017 sehingga May 2018. Ia melibatkan kepada 12 orang guru pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai pengalaman mengajar selama 15 tahun dan 10 orang guru pelatih. Dapatan kajian mendapati guru dan guru pelatih mempunyai kesukaran untuk melaksanakan *pedagogical content knowledge (PCK)* dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kajian mencadangkan agar guru diberikan latihan yang secukupnya mengenai PCK sebelum pelaksanaan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jurnal yang kesembilan dibuat ulasan ialah "Neoliberalism and sociocultural specificities: a discourse analysis of early childhood curriculum policies in Australia, China, New Zealand and Singapore". Penulis bagi jurnal ini ialah Weipeng Yang, Peng Xu, Haidan Liu dan Hui Li. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2020. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah (i) membuat analisis mengenai polisi pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore (ii) mengenalpasti kesan neoliberalisme dan kontekstualisasi kepada polisi pendidikan awal kanak-kanak di negara yang terbabit dalam kajian.. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian ini dijalankan secara wacana kualitatif analisis. Ia dijalankan berdasarkan analisis terhadap polisi pendidikan awal kanak-kanak yang terdapat di 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore. Polisi bagi 4 buah negara tersebut ialah (1) *Australia's Belonging, Being & Becoming: The Early Years Learning Framework* (2) *China's Guidelines for Kindergarten Education* (3) *New Zealand's Te Whariki: He Whariki Matauranga mo nga Mokopuna o Aotearoa Early Childhood Curriculum* (4) *Singapore's Nurturing Early Learners: A Curriculum Framework for Kindergartens*. Dapatan kajian mendapati 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore telah menjalankan konsep neoliberalisme dalam polisi pendidikan awal kanak-kanak. Ia digunakan sebagai kayu ukur untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak berkesan dari segi bermain secara konstruktif, interaksi sosial dan penglibatan komuniti.

Jurnal kesepuluh yang dibuat ulasan ialah "Barriers to implementing a healthy habits curriculum in early childhood education: perspective from childcare providers and teachers". Penulis bagi jurnal ini ialah Elizabeth Villegas, Carolyn Sutter, Brenda Koester & Barbara H. Fiese. Jurnal ini telah diterbitkan pada tahun 2020. Objektif kajian bagi jurnal ini ialah (i) mengenalpasti halangan dan keperluan utama yang diperlukan oleh pengasuh atau guru dalam menyediakan makanan mengikut kepada kurikulum pemakanan yang sihat (ii) meminta cadangan penambahbaikan mengenai program pemakanan sihat yang sedia ada dari pengasuh dan guru tadika. Metodologi kajian yang digunakan ialah 30 orang responden yang

ditemubual melalui *Facebook* dan email oleh *Illinois Network of Child Care Resource and Referral Agencies (INCCRRA)*. Individu yang ditemubual perlulah seorang guru tadika atau pengasuh di taska. Dapatan kajian mendapati halangan utama bagi guru tadika atau pengasuh di taska dalam penyediaan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak ialah pengurusan tingkahlaku, tidak mendapat kerjasama dari pihak ibu bapa, tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk penyediaan makanan kerana persiapan pelajaran dan kos makanan sihat yang mahal. Dapatan kajian mencadangkan agar proses penyediaan makanan sihat ini juga perlu diberikan pendedahan kepada ibu bapa supaya proses ini akan berterusan di rumah dan sehingga kanak-kanak itu membesar ke peringkat dewasa.

RINGKASAN 10 JURNAL BERKAITAN PENGURUSAN KURIKULUM PAKK

No	Tajuk	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Dapatan Kajian
1.	Samuel L. Odom, Gretchen Butera, Karen E. Diamond, Marci J. Hanson, Eva Horn, Joan Lieber, Susan Palmer, Kandace Fleming, & Janet Marquis. (2019). Efficacy of a comprehensive early childhood curriculum to enhance children's success. <i>Early Childhood Special Education</i> , Vol. 39(1) 19-31	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti keberkesanan kurikulum <i>Children's School Success</i> (CSS) kepada perkembangan akademik dan sosial kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan mendaftar di dalam program prasekolah. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini dijalankan secara reka bentuk eksperimen dan dijalankan dalam tempoh 5 tahun. - Ia melibatkan 10 guru yang mengajar di dalam bilik darjah yang berbeza di lima lokasi wilayah di United States (California, Indiana, Kansas, Maryland dan West Virginia. - Kajian ini dijalankan di Head Start, prasekolah negeri dan swasta dan melibatkan kepada kanak-kanak yang lemah 	<ul style="list-style-type: none"> - CSS model mempunyai kesan perkembangan yang positif kepada kanak-kanak. - Ia dapat dilihat berkaitan peningkatan pembendaharaan kata, sains, matematik dan <i>social problem solving</i>.

			dalam penguasaan akademik.	
2.	<p>Kassahun Weldemariam, Diane Boyd, Nicky Hirst, Barbara Maria Sageidet, Jamison K. Browder, Leanne Grogan & Fran Hughes. (2017). <i>A critical analysis of concepts associated with sustainability in early childhood curriculum framework across five national contexts</i>. https://doi.org/10.1007/s13158-017-0202-8</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti kelestarian integrasi program dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Australia, England, Norway, Sweden dan USA. - Ia melibatkan kepada 4 aspek iaitu kelestarian, kehidupan kanak-kanak, hubungan persekitaran dan manusia dan falsafah. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini dijalankan berdasarkan analisis terhadap penyelidikan secara kolaboratif. - Data kajian dikumpul dari perbincangan <i>Transnational Dialogues (TND)</i> antara penggubal kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan ia berlaku di Universiti Stavanger, Norway. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian mendapati kerangka konsep dari Australia, Norway dan Sweden mempunyai kelestarian yang baik. - Berkaitan dengan kehidupan kanak-kanak, kerangka konsep Sweden lebih lengkap berkaitan dengan peranan kanak-kanak di dalam masyarakat. - Berkaitan dengan hubungan persekitaran dan manusia, kerangka

				<p>konsep Australia lebih menekankan terhadap amalan pribumi yang sejahtera</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berkaitan dengan falsafah, kesemua kurikulum mempunyai kaitan dengan sosiobudaya dan pendekatan terhadap perkembangan kanak-kanak.
3.	<p>Larisa Callaway-Cole & Ashley Kimble. (2021). Maintaining professional standards in early childhood teacher preparation: evaluating adaptions to fieldwork-based experiences during covid-19. Early Childhood Education Journal. https://doi.org/10.1007/s10643-021-01227-9</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti dan menilai penyesuaian yang dibuat terhadap persiapan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam program sarjana muda ketika pendemik covid-19. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini menggunakan kaedah <i>mixed-method approach</i>. - Data dikumpulkan dan dinilai berdasarkan kepada permarkahan yang diberikan oleh tenaga pengajar kepada tugas rancangan 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian mendapati pelajar belajar untuk membina pengetahuan dan kemahiran kaedah pengajaran yang berkesan secara

			<p>mengajar, video dan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelajar yang terlibat di dalam kajian ini adalah pelajar sarjana muda pendidikan awal kanak-kanak di <i>Soth Central University</i>, dari tahun 1 hingga 3. 	<p>online kepada kanak-kanak.</p>
4.	<p>Daniel J.Castner. (2019). Translating the implementation gap: Three versions of early childhood curriculum leadership. <i>Early Childhood Education Journal</i>, 48: 429-440</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak untuk memastikan pelaksanaan kepimpinan dalam kurikulum dan mengikut polisi pendidikan yang telah ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini menggunakan kajian kes naratif dan melibatkan kepada pengalaman 4 orang guru dalam melaksanakan kurikulum. - Responden adalah guru yang mengajar dari peringkat tadika hingga darjah 3. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian menunjukkan 1 dari 4 guru tersebut mempunyai latar belakang pendidikan di dalam kepimpinan dan beliau dapat menerapkan kepimpinan dalam kurikulum di sekolah. - Tiga guru yang berikutnya

			<ul style="list-style-type: none"> - Responden ini dipilih berdasarkan prestasi kepimpinan yang profesional di sekolah. 	<p>menunjukkan tahap kepimpinan yang baik dan merasakan ia perlu diterapkan di dalam kurikulum di sekolah.</p>
5.	<p>Sharon Ward & Amanda Wilcox-Herzog. (2019). Early childhood education curriculum choice: Assessing the interplay between prior beliefs and evidence-based information. <i>Early Childhood Education Journal</i>, 47:409-415</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti keberkesanan perpindahan maklumat daripada risalah maklumat mengenai amalan bersesuaian perkembangan kepada pelajar yang bekerja dalam bidang awal kanak-kanak tetapi tidak ada ilmu mengenainya. - Menilai hubungan antara kepercayaan tersirat mengenai pendidikan kepada 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini melibatkan kepada 209 orang pelajar - Responden dipilih berdasarkan ciri-ciri berikut; (i) tidak mempunyai anak atau anak tiri (ii) tidak pernah mempunyai pengalaman mengajar kanak-kanak (iii) tidak pernah ambil subjek Perkembangan Kanak-kanak dan Manusia. - Semua responden diberi tonton sebuah video mengenai kanak-kanak dan projek sains dan 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian mendapati bahawa kumpulan pelajar yang diberikan risalah maklumat mengenai amalan bersesuaian perkembangan mempunyai pengetahuan dan boleh kaitakan dengan video yang ditonton. - Terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan tersirat mengenai

		kanak-kanak dan maklumat di dalam risalah.	diminta untuk menjawab soalan berdasarkan video tersebut. - Responden dipecahkan kepada dua kumpulan, iaitu satu kumpulan diberikan maklumat melalui risalah mengenai amalan bersesuaian perkembangan dan satu kumpulan lagi tidak diberikan.	pendidikan kepada kanak-kanak dan pemerolehan maklumat dari risalah.
6.	Marjory Ebbeck, Sheela Warriar & Mandy Goh. (2017). Early experiences matter: a relationships-based curriculum for the birth-to-three age group. <i>Early Childhood Education Journal</i> , 46:83-92	- Mengenalpasti hubungan berdasarkan kurikulum dengan penglibatan aktif kanak-kanak di peringkat bayi, kanak-kanak bertatih dan kanak-kanak yang berumur tiga tahun.	- Kajian ini dijalankan melebihi satu tahun dan menggunakan pendekatan <i>pre and post-test design</i> . - Kanak-kanak pada setiap tahap umur dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan menerima pembelajaran berdasarkan kurikulum	- Dapatan kajian mendapati pembelajaran yang berasaskan kepada kurikulum yang terancang dapat menarik kepada penglibatan kanak-kanak kepada aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

			<p>dan satu kumpulan lagi pembelajaran tidak berasaskan kurikulum.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini menggunakan <i>Child Involvement Scale</i> 	
7.	<p>Morten Greaves & Rima Bahous. (2020). Adapting to change; exploring early childhood educators' perceptions of a child-centered curriculum. <i>Early Childhood Education Journal</i>, 49:581-592</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti persepsi guru pendidikan awal kanak-kanak terhadap perubahan pendekatan berasaskan guru kepada pendekatan berasaskan kanak-kanak. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini dijalankan terhadap guru yang bekerja di institusi swasta pendidikan awal kanak-kanak di Lebanon. - Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan ditemubual secara individu dan kumpulan sebanyak dua pusingan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi kesukaran untuk mengubah corak pengajaran mereka. - Namun begitu, pusingan kedua temubual bersama guru mendapati mereka mula untuk menyesuaikan diri dengan corak pendekatan pengajaran yang baru.

8.	Vladimir E. Martinez-Bello, Maria del Mar Bernabe-Villodre, Sara Lahuerta-Contell, Herminia Vega-Perona & Mila Gimenez-Calvo. (2021). Pedagogical knowledge of structured movement sessions in the early education curriculum: perception of teachers and student teachers. <i>Early Childhood Education Journal</i> , 49:483-492	<ul style="list-style-type: none">- Mengenalpasti persepsi guru dan guru pelatih pendidikan awal kanak-kanak terhadap <i>pedagogical content knowledge (PCK)</i> dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.	<ul style="list-style-type: none">- Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan menggunakan kaedah temubual, bermula November 2017 sehingga May 2018.- Ia melibatkan kepada 12 orang guru pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai pengalaman mengajar selama 15 tahun dan 10 orang guru pelatih.	<ul style="list-style-type: none">- Dapatan kajian mendapati guru dan guru pelatih mempunyai kesukaran untuk melaksanakan <i>pedagogical content knowledge (PCK)</i> dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.- Kajian mencadangkan agar guru diberikan latihan yang secukupnya mengenai PCK sebelum pelaksanaan dalam pengajaran dan pembelajaran.
----	---	---	--	---

9.	<p>Weipeng Yang, Peng Xu, Haidan Liu & Hui Li. (2020). Neoliberalism and sociocultural specificities: a discourse analysis of early childhood curriculum policies in Australia, China, New Zealand and Singapore. <i>Early Child Development and Care</i>. https://dio.org/10.1080/03004430.2020.1754210</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat analisis mengenai polisi pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore. - Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan neoliberalisme dan kontekstualisasi kepada polisi pendidikan awal kanak-kanak di negara yang terbabit dalam kajian. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini dijalankan secara wacana kualitatif analisis. - Ia dijalankan berdasarkan analisis terhadap polisi pendidikan awal kanak-kanak yang terdapat di 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore. - Polisi bagi 4 buah negara tersebut ialah (1) <i>Australia's Belonging, Being & Becoming: The Early Years Learning Framework</i> (2) <i>China's Guidelines for Kindergarten Education</i> (3) <i>New Zealand's Te Whariki: He Whariki Matauranga mo nga Mokopuna o Aotearoa</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian mendapati 4 buah negara iaitu Australia, China, New Zealand dan Singapore telah menjalankan konsep neoliberalisme dalam polisi pendidikan awal kanak-kanak. - Ia digunakan sebagai kayu ukur untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak berkesan dari segi bermain secara konstruktif, interaksi sosial dan penglibatan komuniti.
----	--	---	--	--

			<p><i>Early Childhood Curriculum (4) Singapore's Nurturing Early Learners: A Curriculum Framework for Kindergartens</i></p>	
10.	<p>Elizabeth Villegas, Carolyn Sutter, Brenda Koester & Barbara H. Fiese. (2020). Barriers to implementing a healthy habits curriculum in early childhood education: perspective from childcare providers and teachers. <i>Early Childhood Education Journal</i>, 49:593-606</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenalpasti halangan dan keperluan utama yang diperlukan oleh pengasuh atau guru dalam menyediakan makanan mengikut kepada kurikulum pemakanan yang sihat - Meminta cadangan penambahbaikan mengenai program pemakanan sihat yang sedia ada dari pengasuh dan guru tadika 	<ul style="list-style-type: none"> - 30 orang responden yang ditemubual melalui <i>Facebook</i> dan email oleh <i>Illinois Network of Child Care Resource and Referral Agencies (INCCRRA)</i>. - Individu yang ditemubual perlulah seorang guru tadika atau pengasuh di taska. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatan kajian mendapati halangan utama bagi guru tadika atau pengasuh di taska dalam penyediaan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak ialah pengurusan tingkahlaku, tidak mendapat kerjasama dari pihak ibu bapa, tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk penyediaan makanan kerana

				<p>persiapan pelajaran dan kos makanan sihat yang mahal.</p> <ul style="list-style-type: none">- Dapatan kajian mencadangkan agar proses penyediaan makanan sihat ini juga perlu diberikan pendedahan kepada ibu bapa supaya proses ini akan berterusan di rumah dan sehingga kanak-kanak itu membesar ke peringkat dewasa.
--	--	--	--	---